



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESAN PERANTI KOHESI RUJUKAN DALAM KEFAHAMAN MEMBACA PELAJAR BERDASARKAN KAUM

NOR AZILA MOHAMAD DARUS



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESAN PERANTI KOHESI RUJUKAN DALAM KEFAHAMAN MEMBACA
PELAJAR BERDASARKAN KAUM

NOR AZILA BINTI MOHAMAD DARUS



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(BAHASA MELAYU)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوپرسیتی فندیدین سلطان ادریس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 10 (hari bulan) MAC (bulan) 2020

i. Perakuan pelajar :

Saya, **NOR AZILA BINTI MOHAMAD DARUS, M20141000070, FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **KESAN PERANTI KOHESI RUJUKAN DALAM KEFAHAMAN MEMBACA PELAJAR BERDASARKAN KAUM** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **PROFESOR MADYA DR. DAHLIA BINTI JANAN** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **KESAN PERANTI KOHESI RUJUKAN DALAM KEFAHAMAN MEMBACA PELAJAR BERDASARKAN KAUM** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah **SARJANA PENDIDIKAN BAHASA MELAYU**.

20.8.2020

TARIKH

PENYELIA



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوپرسیتی قندیدیکان سلطان ادریس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIESBORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title:

KESAN PERANTI KOHESI RUJUKAN DALAM KEFAHAMAN
MEMBACA PELAJAR BERDASARKAN KAUM

No. Matrik /Matric No.:

M20141000070

Saya / I :

NOR AZILA BINTI MOHAMAD DARUS

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) from the categories below:-*

☐**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☐**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cap Rasmi / Name & Official Stamp)Tarikh: 20.8.2020

PROF. MARYAM DR. DAHLIA LANAN
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim, Perak, MALAYSIA
dahlia@upsi.edu.my

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Alhamdulillah, ke hadrat Allah S.W.T kerana atas izin dan perkenan-Nya, kajian ini dapat disempurnakan akhirnya.

Pertama sekali, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan khas buat penyelia terbaik saya, Prof. Madya Dr. Dahlia binti Janan atas ilmu, tunjuk ajar, nasihat, dan kata-kata motivasi yang diberikan sepanjang proses menyiapkan kajian ini. Beliau yang sentiasa sudi membantu dalam menyumbangkan idea, juga sering mengingatkan dan menegur dengan amat berhemah seandainya saya alpa. Tanpa bimbingan dan penyeliaan yang mantap, penyelidikan ini mungkin tidak dapat disempurnakan dengan jayanya. Semoga kejayaan saya menyempurnakan penyelidikan ini menjadi lambang kepada kemantapan penyeliaan Dr. Dahlia. Semoga jasa baik Dr. Dahlia akan diganjar dengan kurniaan daripada Allah S.W.T yang tidak ternilai harganya. Penghargaan ini juga saya tujukan buat semua pensyarah di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UPSI atas sokongan dan dorongan yang diberikan. Tidak lupa juga kepada pihak Institut Pengajian Siswazah (IPS) atas segala bantuan, kerjasama serta peluang yang diberikan.

Di kesempatan ini juga, saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga buat suami tercinta, Abdullah Hisam bin Abdul Manaf serta dua orang putera yang dikasihi, Ahmad Sahil dan Ahmad Syahmi kerana sentiasa memahami diri ini dan sentiasa memberikan kata-kata nasihat serta dorongan yang diperlukan sehingga kajian ini selesai. Kesabaran mereka yang tidak pernah pudar dan sentiasa menemani saya mengharungi segala cabaran sepanjang tempoh menyiapkan kajian ini amat saya hargai. Ucapan terima kasih juga didedikasikan buat ibu bapa tersayang, iaitu Tn. Hj. Mohamad Darus bin Kulop Ismail dan Nor Azian binti Aziz Zaman serta ahli keluarga atas doa yang dititipkan berserta ucapan semangat, nasihat, dan sokongan berterusan sepanjang proses menyiapkan kajian ini. Ketahuilah, sokongan yang diberikan amat saya hargai.

Akhir sekali, sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih juga saya ucapkan kepada teman-teman seperjuangan yang sudi berkongsi ilmu dan sentiasa memberikan lontaran kata-kata semangat sepanjang proses menyiapkan kajian ini.

Syukur alhamdulillah, berkat doa semua, kajian ini akhirnya selesai juga. Terima kasih Allah.

Nor Azila binti Mohamad Darus
M20141000070
Fakulti Bahasa dan Komunikasi





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menentukan kesan peranti kohesi rujukan dalam kefahaman membaca pelajar bagi menangani isu pencapaian murid dalam pemahaman membaca. Reka bentuk penyelidikan yang dipilih ialah kajian kuasi eksperimental *crossover design* untuk menjawab satu objektif kajian dan 18 hipotesis kajian. Enam set instrumen ujian pemahaman telah digunakan untuk mengukur kesan peranti kohesi rujukan terhadap kefahaman membaca pelajar. Seramai 60 orang murid tingkatan dua di sebuah sekolah di Perak dipilih menjadi sampel kajian menggunakan teknik pensampelan bertujuan. Sampel terdiri daripada tiga kaum, iaitu pelajar Melayu ($n=20$), Cina ($n=20$) dan India ($n=20$). Enam jenis ujian iaitu ujian pra yang berdasarkan teks asal Teks 1: Cerpen Menuai Emas (asal), Teks 2: Cerpen Banjir di Mata Emak (asal), Teks 3: Cerpen Talia dan Raksaksa Qadqad (asal) dan ujian pasca yang berdasarkan Teks 4: Cerpen Menuai Emas (ubah peranti kohesi), Teks 5: Cerpen Banjir di Mata Emak (ubah peranti kohesi) dan Teks 6: Cerpen Talia dan Raksaksa Qadqad (ubah peranti kohesi). Semua teks dinilai oleh guru sebelum ujian pra dan pasca dijalankan. Ujian-t sampel berpasangan dan ANOVA satu hala digunakan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan pencapaian murid dalam ujian pra dan ujian pasca. Dapatan menunjukkan terdapat peningkatan dalam pencapaian, iaitu ujian pra ($M = 6.5$, $SD = 1.38$) berbanding ujian pasca ($M = 7.9$, $SD = 1.34$), $t(57) = 4.3$, $p < .001$ bagi teks Cerpen Menuai Emas. Dapatan menunjukkan terdapat peningkatan dalam pencapaian, iaitu ujian pra ($M = 7.1$, $SD = 1.24$) berbanding ujian pasca ($M = 8.6$, $SD = 1.13$), $t(57) = 4.3$, $p < .001$ bagi teks Cerpen Banjir di Mata Emak. Dapatan menunjukkan terdapat peningkatan dalam pencapaian, iaitu ujian pra ($M = 7.75$, $SD = 1.08$) berbanding ujian pasca ($M = 8.9$, $SD = 0.91$), $t(57) = 4.3$, $p < .001$ bagi teks Cerpen Talia dan Raksaksa Qadqad. Kesimpulannya, kajian ini mendapati petikan yang diubah suai peranti kohesi rujukan telah meningkatkan kefahaman pelajar terhadap teks. Implikasi kajian menunjukkan bahawa penulisan teks bacaan untuk pelajar perlu mengambil kira penggunaan peranti kohesi rujukan bagi meningkatkan kefahaman membaca pelajar.





THE EFFECT OF COHESION DEVICES REFERENCE IN UNDERSTANDING READING STUDENTS BASED ON RACE

ABSTRAC

This study aimed to determine the effect of reference cohesion devices on students' reading comprehension to address issues of student achievement in reading comprehension. The research design selected was a crossover quasi-experimental design to answer one study objective and 18 research hypotheses. Six sets of comprehension test instruments were used to measure the effect of reference cohesion devices on students' reading comprehension. A total of 60 secondary school students in a school in Perak were selected for the study using purposive sampling technique. The sample consisted of three races, namely Malay students ($n = 20$), China ($n = 20$) and India ($n = 20$). Six types of tests that consist of pre-tests which based on Text 1: *Cerpen Menuai Emas* (original), Text 2: *Cerpen Banjir di Mata Emak* (original), Text 3: *Cerpen Talia dan Raksasa Qadqad* (original), and post-tests which based on Text 4: *Cerpen Menuai Emas* (change cohesion device), Text 5: *Cerpen Banjir di Mata Emak* (change cohesion device) and Text 6: *Cerpen Talia dan Raksasa Qadqad* (change cohesion device). All these texts have been evaluated by teachers before the pre- and post-test. Paired samples t-test and ANOVA one-way was used to see if there were differences in student achievement in the pre and post-test. The results showed that there were an increase in achievement for *Cerpen Menuai Emas* with pre-test ($M = 6.5$, $SD = 1.38$) compared to post-test ($M = 7.9$, $SD = 1.34$), $t(57) = 4.3$, $p < .001$. Findings also showed an improvement in achievement for *Cerpen Banjir di Mata Emak* with pre-test ($M = 7.1$, $SD = 1.24$) compared to post-test ($M = 8.6$, $SD = 1.13$), $t(57) = 4.3$, $p < .001$. The results showed that there were an increase in achievement for *Cerpen Talia dan Raksasa Qadqad*, pre-test ($M = 7.75$, $SD = 1.08$) compared to post-test ($M = 8.9$, $SD = 0.91$), $t(57) = 4.3$, $p < .001$. In conclusion, this study found that the modified texts of the reference cohesion device have increased students' understanding of the text. Implications of the study indicate that writing reading text for students should take into account the use of reference cohesion devices in order to improve students' reading comprehension.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	10
1.4	Objektif Kajian	13
1.5	Hipotesis Kajian	14
1.6	Kerangka Konseptual	16
1.7	Kepentingan Kajian	18
1.7.1	Pelajar	19
1.7.2	Guru	19
1.7.3	Penerbit dan Penulis Buku	20
1.7.4	Bahagian Pembangunan Kurikulum	21

1.7.5	Para Penyelidik	22
1.8	Definisi Operasional	22
1.8.1	Kesan	22
1.8.2	Peranti Kohesi	23
1.8.3	Kefahaman Membaca	23
1.8.4	Pelajar	25
1.8.5	Kaum	25
1.9	Batasan Kajian	25
1.10	Rumusan	26

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	28
2.2	Teori Kohesi	29
2.3	Model Kohesi Halliday dan Hasan	35
2.3.1	Perbincangan tentang Model Halliday dan Hasan (1976)	36
2.4	Peranti Kohesi Rujukan	40
2.5	Sorotan Kajian Berkaitan Kohesi	45
2.6	Sorotan Kajian Berkaitan Kefahaman Membaca	49
2.7	Rumusan	59

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	61
3.2	Reka Bentuk Kajian	61
3.3	Instrumen Kajian	66
3.3.1	Petikan Cerpen	66

3.3.2	Ujian Pemahaman	74
3.4	Pensampelan	77
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	78
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	79
3.7	Teknik Analisis Data	79
3.8	Rumusan	80

BAB 4 ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN

4.1	Pengenalan	81
4.2	Dapatan Kajian	81
4.3	Dapatan Kajian Analisis Deskriptif	82
4.4	Dapatan Kajian Analisis Statistik Melalui Pengujian Hipotesis	91

4.5	Rumusan	113
-----	---------	-----

BAB 5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	114
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	115
5.2.1	Rumusan Dapatan Kajian	117
5.2.2	Perbincangan Dapatan Kajian dengan Kajian Lain	118
5.3	Rumusan Kajian	121
5.4	Implikasi Kajian	128
5.5	Cadangan untuk Kajian Lanjutan	130
5.6	Rumusan	131



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
x

RUJUKAN

133

LAMPIRAN

142



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Skemata Kaedah Kohesi (Halliday & Hasan, 1976)	32
2.2	Kedudukan Kohesi dalam Deskriptif Bahasa Inggeris	37
2.3	Jenis Kohesi Rujukan dan Contoh	38
2.4	Jenis Kohesi Penggantian dan Contoh	38
2.5	Jenis Kohesi Penghubung dan Contoh	39
3.1	Keputusan Pencapaian Markah Ujian Pra dan Ujian Pasca	65
3.2	Sampel Cerpen dan Jenis Peranti Kohesi Rujukan Yang Diubah	73
4.1	Pencapaian skor ujian pemahaman	82
4.2	Bilangan Pelajar Mengikut Kaum	84
4.3	Keputusan Ujian Mengikut Kaum Berdasarkan Cerpen	85
4.4	Perbezaan Min Teks Asal dan Teks Yang Diubah Mengikut Kaum	88
4.5	Pencapaian Min Markah Pelajar Melayu, Cina dan	89



India

4.6	Pencapaian Min Markah Pelajar Melayu	89
4.7	Pencapaian Min Markah Pelajar Cina	90
4.8	Pencapaian Min Markah Pelajar India	90
4.9	Analisis Anova Sehalu dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca Cerpen Menuai Emas Semua Pelajar	94
4.10	Analisis Ujian-t dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca Cerpen Menuai Emas Pelajar Melayu	95
4.11	Analisis Ujian-t dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca Cerpen Menuai Emas Pelajar Cina	96
4.12	Analisis Ujian-t dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca Cerpen Menuai Emas Pelajar India	97
4.13	Analisis Anova Sehalu dalam Ujian Pra Cerpen Menuai Emas Antara Pelajar Melayu, Pelajar Cina dan Pelajar India	98
4.14	Analisis ANOVA sehalu Ujian Pasca Cerpen Menuai Emas yang diubah suai antara Pelajar Melayu, Cina dan India	99
4.15	Analisis Anova Sehalu dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca Cerpen Banjir di Mata Enak bagi Semua Pelajar	100
4.16	Analisis Ujian-t dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca Cerpen Banjir di Mata Emak dalam Kalangan Pelajar Melayu	101



4.17	Analisis Ujian-t dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca Cerpen Banjir di Mata Emak Pelajar Cina	102
4.18	Analisis Ujian-t dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca Cerpen Banjir di Mata Emak Pelajar India	103
4.19	Analisis Anova Sehalah dalam Ujian Pra Cerpen Menuai Emas Antara Pelajar Melayu, Pelajar Cina dan Pelajar India	104
4.20	Analisis ANOVA sehalah Ujian Pasca Cerpen Banjir di Mata Emak yang diubah suai antara Pelajar Melayu, Cina dan India	105
4.21	Analisis Anova Sehalah dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca Cerpen Talia dan Raksasa Qadqad bagi Semua Pelajar	106
4.22	Analisis Ujian-t dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca Cerpen Talia dan Raksasa Qadqad Pelajar Melayu	107
4.23	Analisis Ujian-t dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca Cerpen Talia dan Raksasa Qadqad Pelajar Cina	108
4.24	Analisis Ujian-t dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca Cerpen Talia dan Raksasa Qadqad Pelajar India	109
4.25	Analisis Anova Sehalah dalam Ujian Pra Cerpen Talia dan Raksasa Qadqad Antara Pelajar Melayu, Pelajar Cina dan Pelajar India	110
4.26	Analisis Anova Sehalah dalam Ujian Pasca Cerpen Talia dan Raksasa Qadqad Antara Pelajar Melayu, Pelajar Cina dan Pelajar India	111
4.27	Analisis Pengujian Hipotesis	112



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual yang Diubah Suai daripada Model Membaca Senyap Pembaca Mahir	17
2.1	Jenis Rujukan Halliday dan Hasan (1976)	37
3.1	Ujian Pra dan Ujian Pasca	63
3.2	Pengelasan Soalan Kefahaman	74
3.3	Carta Alir Penyelidikan	78





SENARAI SINGKATAN

BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
KBSM	Kurikulum Baharu Sekolah Menengah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
PISA	<i>Programme for International Student Assessment</i>
PRK	Peranti Kohesi Rujukan
PSR	Penilaian Sekolah Rendah
PT3	Pentaksiran Tingkatan Tiga
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SK	Sekolah Kebangsaan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	<i>Statistical Packages For The Social Science</i>
UPSR	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah





SENARAI LAMPIRAN

- A1 Petikan Cerpen Menuai Emas (Asal)
- A2 Petikan Cerpen Menuai Emas (Edit)
- A3 Soalan Pemahaman Cerpen Menuai Emas
- B1 Petikan Cerpen Banjir di Mata Emak (Asal)
- B2 Petikan Cerpen Banjir di Mata Emak (Edit)
- B3 Soalan Pemahaman Cerpen Banjir di Mata Emak
- C1 Petikan Cerpen Talia dan Raksasa Qadqad (Asal)
- C2 Petikan Cerpen Talia dan Raksasa Qadqad (Edit)
- C3 Soalan Pemahaman Cerpen Talia dan Raksasa Qadqad
- D1 Proses Menukarkan Peranti Kohesi Rujukan Cerpen Menuai Emas
- D2 Proses Menukarkan Peranti Kohesi Rujukan Cerpen Banjir di Mata Emak
- D3 Proses Menukarkan Peranti Kohesi Rujukan Cerpen Talia dan Raksasa Qadqad
- E Surat Permohonan Menjalankan Kajian





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Membaca merupakan proses yang paling banyak dilalui oleh para pelajar semasa berada di bangku persekolahan. Terdapat pelbagai tujuan sesuatu pembacaan seperti menganalisis teks untuk mendapatkan maklumat, mencari bahan tugas, dan sebagainya. Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan pelajar yang mengalami kesukaran dalam proses membaca terutamanya yang melibatkan usaha untuk memahami kandungan teks. Hal ini demikian kerana membaca dan memahami ialah proses konstruktif dan saling menyokong antara satu dengan yang lain (Mahzan Arshad, 2008). Kajian oleh Mohamad Sofee (2007) pula menyatakan bahawa isu membaca tidak pernah lapuk untuk dibicarakan dalam dunia masa kini. Realiti kepentingan membaca tidak boleh diremehkan meskipun masyarakat



sedang berdepan arus perubahan dalam era globalisasi yang mencabar di samping ledakan dunia teknologi maklumat dan komunikasi. Aspek kefahaman membaca amat penting kepada pelajar-pelajar di mana-mana peringkat pengajian baik di peringkat sekolah rendah mahupun di sekolah menengah. Menurut Korabiak dan Mete (2004,) kemahiran membaca dianggap tidak dikuasai oleh pembaca jika mereka tidak memahami sesuatu teks yang dibaca manakala Carrel (1992) menyatakan keupayaan untuk memahami teks banyak dipengaruhi oleh latar belakang bahan yang dibaca, bahasa yang sukar difahami, jenis dan panjang sesuatu petikan. Oleh itu, pembaca perlu memahami kandungan, penerangan, maklumat, atau perkara yang hendak disampaikan oleh penulis ketika proses membaca.

Dewasa ini, masih ramai pelajar di sekolah tidak faham akan kandungan teks yang dibaca daripada majalah, akhbar, buku teks, buku ilmiah, dan sebagainya (Durkin, 1980). Hal ini kerana kecekapan seseorang pelajar dalam kemahiran kefahaman membaca berbeza antara satu dengan yang lain. Walaupun sekumpulan pelajar membaca sesuatu teks pada tahap bacaan yang sama tetapi mereka mempunyai kefahaman yang berbeza akibat faktor kecerdasan mental masing-masing. Menurut Dahlia Janan (2003), membaca ditakrifkan sebagai proses melihat bahan bertulis dan memahami maknanya serta merupakan proses kognitif yang kompleks. Pelbagai proses mental terlibat dalam membaca, iaitu bermula dengan maklumat yang diterima dari mata dan diproses di dalam otak sehingga maknanya diperolehi.



Menurut Snowling, M. dan Hulme, C. (2011), membaca dengan kefahaman adalah salah satu matlamat utama pendidikan awal. Oleh yang demikian, pembelajaran dalam persekitaran akademik sangat bergantung kepada pemahaman maklumat daripada sumber-sumber teks. Hal ini disokong oleh pernyataan daripada sebuah pertubuhan literasi kanak-kanak di Amerika Syarikat yang menyatakan bahawa kemahiran membaca adalah asas dalam setiap disiplin akademik (Lei, Rhinehart, Howard & Cho, 2010). Menurut Marohaini Yusoff (1999), aktiviti membaca hendaklah menimbulkan kefahaman dalam kalangan pembaca kerana membaca bukan semata-mata menyebut setiap patah perkataan sebaliknya pembaca mestilah faham akan makna dan maksud ujaran tersebut.



Menurut Musa Daia (1967), terdapat pelbagai punca yang boleh mempengaruhi keupayaan seseorang individu untuk memahami sesuatu teks yang dibaca. Antara faktor tersebut ialah kecerdasan mental. Justeru, pembacaan tidak berlaku dengan pemikiran yang kosong tetapi selari dengan tujuan, jangkaan dan pengetahuan serta pengalaman lalu. Kebolehan mengaitkan dan mengintergrasikan segala aspek tersebut sangat penting bagi menghasilkan pembacaan dengan kefahaman (Ismail Zakaria, Salmah Othman, Elly Chong, 1992). Haris dan Hodges (1981) berpendapat bahawa mengenal pasti kefahaman membaca sebagai kebolehan atau daya memahami dengan sepenuhnya apa-apa yang dibaca. Menurut Kamarudin Hj. Husin (1998) kefahaman merupakan pelengkap kepada keperluan bacaan. Oleh itu, jikalau tiada kefahaman terhadap apa-apa yang dibaca maka, perlakuan membaca itu tidak bermakna. Durkin (1980) pula berpendapat bahawa bacaan adalah kefahaman. Oleh itu, sekiranya masih tidak faham sesuatu teks maka, anda dianggap masih belum lagi membaca.





Tatkala seseorang itu membaca, dia mestilah mempunyai tujuan dan matlamat membaca. Lantaran itu, pembaca haruslah dapat mengetahui makna daripada teks tersebut bagi mencapai matlamatnya. Dengan itu, makna akan diperoleh daripada maklumat yang terdapat pada teks atau daripada pengetahuan dan pengalaman sedia ada pembaca. Justeru, individu itu dianggap terlibat dalam proses bacaan apabila mereka dapat mengikut pemikiran yang bertulis untuk mewujudkan interaksi antara pembaca dengan penulis dan dengan maksud untuk menonjolkan tujuan tertentu.

Antara aspek yang perlu diberikan tumpuan oleh para pelajar ialah keberkesanan dalam bacaan (Zamri, 2008; Yahya, 2008). Misalannya, seseorang pelajar perlu mempunyai kemahiran membaca yang betul sebagai langkah untuk mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan. Pada kebiasaannya, pelajar cepat lupa dan tidak faham akan apa yang dibacanya meskipun telah membaca teks berkenaan berulang-ulang kali. Situasi tersebut menunjukkan bahawa pelajar tersebut masih belum dapat menghasilkan kefahaman daripada pembacaan yang dilakukannya. Natiujahnya, masalah membaca yang dihadapi oleh seseorang pelajar akan menyebabkan prestasi pencapaian bagi semua subjek yang diambil oleh pelajar berkenaan terjejas.

Menurut Mahzan (2003) dan Yahya (2008), penyelidikan mengenai bacaan hendaklah dijalankan untuk membantu pelajar memperkaya khazanah ilmu pengetahuan mereka. Kajian tentang aspek membaca menimbulkan kesedaran kepada masyarakat bahawa amalan membaca merupakan budaya ilmu yang harus dilestarikan. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di Malaysia, tumpuan terhadap bacaan





sememangnya ditekankan, khususnya melalui penetapan kemahiran bahasa yang perlu dicapai oleh para pelajar. Hal ini terangkum dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000). Oleh itu, kefahaman membaca dapat memberi impak terhadap potensi para pelajar untuk memperoleh pencapaian yang cemerlang dalam semua mata pelajaran yang dipelajari sewaktu di sekolah termasuklah Bahasa Melayu.

Dalam Laporan Awal Ringkasan Eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2015, menyatakan bahawa kedudukan Malaysia terletak dalam kelompok sepertiga terbawah dalam kalangan 74 negara peserta . Laporan ini berdasarkan keputusan “*Programme for International Student Assessment*” (PISA) 2009. Hal ini jelas menunjukkan bahawa penyertaan Malaysia buat kali pertama dalam PISA 2009 adalah tidak memberangsangkan. Keadaan ini meletakkan Malaysia di bawah pencapaian purata antarabangsa dan “*Organisation for Economic Co-operation and Development*” (OECD) (Ekshibit 3). Hampir 44% pelajar berusia 15 tahun yang menduduki PISA tidak berjaya mencapai tahap kemahiran minimum dalam bacaan. Dalam PISA, perbezaan skor sebanyak 38 mata menyamai satu tahun persekolahan. Oleh itu, perbandingan pencapaian pelajar berusia 15 tahun di Malaysia dengan pencapaian pelajar berusia 15 tahun di Korea Selatan, Singapura, Shanghai, dan Hong Kong telah dibuat. Hasil daripada perbandingan tersebut menunjukkan seolah-olah pelajar di Malaysia ketinggalan tiga atau lebih tahun persekolahan berbanding pelajar dari negara-negara tersebut (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014).





Menurut Roselan (2003), kelemahan pelajar dalam kemahiran membaca akan memberi impak terhadap kemampuan pelajar untuk memperoleh keputusan yang cemerlang dalam semua subjek termasuklah subjek Bahasa Melayu. Banyak penyelidikan yang pernah dilakukan telah membuktikan bahawa pelajar-pelajar yang mempunyai masalah dalam kemahiran kefahaman membaca, pada kebiasaannya akan menghadapi masalah dalam alam persekolahan mereka (Chatterji, 2006; Md. Daud, 2000). Justeru, isu tentang ramai pelajar pada masa kini tidak berupaya menguasai kemahiran membaca dan memahami secara berkesan masih diperkatakan dalam kalangan guru. Masih ada dalam kalangan pelajar yang tidak dapat memahami teks bacaan dalam subjek bahasa atau subjek-subjek yang lain dengan berkesan. Bond dan Tinker (1967) dalam kajiannya melaporkan bahawa ketidakupayaan pelajar untuk menguasai kemahiran membaca akan membawa kesan yang tidak elok kepada mereka seperti prestasi akademik yang menurun, hilang minat belajar, dan tahap keyakinan diri yang rendah. Bahagian Pembangunan Kurikulum (2016), telah menggariskan dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) antara fokus kemahiran membaca supaya murid dapat menambah kosa kata, memperoleh dan memproses maklumat, memupuk minat membaca dalam meningkatkan apresiasi sastera, membuat penaakulan dan penyelesaian masalah secara kolaboratif.

Menurut Sofiah Hamid (1983) dalam Siti Hajar Abdul Aziz (1998), aspek kefahaman membaca diperlukan untuk menguasai Bahasa Melayu malah turut penting dalam mempelajari mata pelajaran yang lain. Justeru, kajian ini dijalankan kerana para pelajar di sekolah menengah terutamanya di peringkat menengah rendah didapati masih lemah dalam aspek kefahaman membaca meskipun pelajar sudah didedahkan dengan





banyak teknik membaca sejak di peringkat sekolah rendah lagi. Justeru, faktor kelemahan dalam kefahaman membaca ini akan memberikan kesan terhadap keputusan pelajar dalam sesuatu peperiksaan. Hal ini berbeza pula dengan pembaca daripada golongan dewasa yang biasanya menggunakan peranti kohesi penghubung sebagai salah satu cara untuk memahami hubungan antara dua peristiwa dalam sesuatu teks (Grensbacher, 1997; Murray, 1997 dalam Cain, 2003).

Menurut kajian yang dijalankan oleh Soraya Bechou (2012), ketika membaca sesuatu petikan, pembaca akan menunjukkan reaksi secara tidak langsung bagi menunjukkan bahawa mereka memahami petikan tersebut. Kebanyakan orang berfikir bahawa kefahaman membaca berlaku secara semula jadi melalui penyahkodan sama ada bahasa lisan atau bahasa bertulis. Selain itu, guru-guru turut beranggapan bahawa kefahaman membaca berlaku apabila seseorang pelajar dapat menjawab soalan berdasarkan petikan yang telah dibaca. Justeru, pendapat ini adalah tidak benar kerana itu merupakan salah satu cara untuk menilai pelajar dan bukannya mengajar kefahaman membaca.

Menurut A. Jailani Che Abas (2012), membaca bukan sekadar proses mekanikal yang melibatkan huruf semata-mata. Aspek membaca merupakan proses yang saling bertimbal balik di antara tulisan huruf dan seterusnya proses menterjemahkan penulisan serta proses pemaknaan perkataan yang telah diterjemahkan tadi. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di peringkat sekolah menengah, penguasaan kemahiran membaca adalah untuk mendapatkan maklumat yang sesuai dengan matlamat





kurikulum Bahasa Melayu (Yahya Othman, 2008). Dengan itu, pelajar mampu menguasai ilmu dengan lebih berkesan daripada kandungan teks yang dibaca. Adam (1990) pula berpendapat kefahaman membaca banyak bergantung pada kemampuan pelajar menganalisis kandungan teks untuk menyempurnakan tugas yang diberikan. Secara tidak langsung, perkara ini mempunyai kaitan yang rapat dengan pencapaian akademik seseorang pelajar.

Dalam kajian Zulkifley Hamid (2006), membaca adalah suatu usaha berterusan yang dilakukan oleh pembaca melalui amalan kognitif bagi memperoleh makna teks yang dibaca. Oleh itu, membaca merupakan satu siri proses yang kompleks. Hal ini kerana, pembaca perlu melakukan analisis semasa membaca bagi memperoleh maklumat yang terdapat dalam teks. Kemahiran kefahaman membaca merupakan proses mental yang aktif dan melibatkan pengajaran mendapatkan makna daripada teks. Implikasi daripada penguasaan kefahaman membaca akan membina kemahiran membentuk makna, mengumpul maklumat yang penting, membuat tafsiran dengan tepat, melakukan inferens yang sesuai, membuat rumusan yang bernas dan menilai keutamaan idea dan perkaitannya. Selain itu, melalui kefahaman membaca para pelajar dapat menghayati bahan dan membentuk daya berfikir serta mampu untuk belajar dengan baik dan efektif. Kombinasi keadaan ini akan membentuk seorang pelajar yang bijak, cekap, matang, kreatif dan kritis. Oleh yang demikian, sistem pendidikan negara akan melahirkan pelajar yang berkualiti sejajar dengan objektif dan matlamat pendidikan di negara kita yang menekankan pemikiran kreatif dan kritis dalam kalangan pelajar berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.





Sehubungan dengan itu, fokus kajian kefahaman membaca pada masa ini amatlah sesuai kerana penggabungjalinan kemahiran berbahasa dapat membentuk makna dan menerapkan nilai berdasarkan maklumat dalam teks. Menurut Huraian Sukatan Bersepadu Sekolah Menengah, kemahiran membaca merujuk kepada keupayaan murid membaca dengan sebutan, jeda, intonasi, dan kelancaran yang betul. Pelbagai teknik bacaan digunakan bagi memastikan aspek pemahaman dan penaakulan pelbagai bahan ilmu dan sastera secara kritis. Justeru, fungsi teks bacaan bukan sahaja dapat memberikan informasi yang bermanfaat dalam pembelajaran bahasa malah, menjadi alat pengukur untuk menilai tahap kebolehbacaan seseorang murid. Selain itu, teks bacaan juga digunakan dalam pengukuran dan penilaian misalnya ujian pemahaman. Menurut Mahzan Arshad (2016), individu yang dapat menguasai literasi ialah aset yang amat berharga bagi sesuatu masyarakat kerana mereka bukan sahaja dapat mengeksploitasi dan menggunakan sepenuhnya bahan bacaan yang mengandungi pelbagai maklumat dan ilmu pengetahuan, malah mungkin dapat pula menghasilkan pelbagai bahan penulisan bagi memperkaya gedung ilmu dalam masyarakatnya.

Sebagai kesimpulannya, pelajar-pelajar di sekolah menengah haruslah mempunyai kefahaman bacaan yang lebih tinggi berbanding di sekolah rendah. Hal ini kerana, teks bacaan bagi pelajar di sekolah menengah lebih kompleks dan ditulis secara implisit (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003). Di samping itu, murid dapat menambah kosa kata, memperoleh dan memproses maklumat, memupuk minat membaca dalam meningkatkan apresiasi sastera, membuat penaakulan dan penyelesaian masalah secara kolaboratif melalui kemahiran membaca (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016). Oleh





sebab itu, kajian tentang kesan peranti kohesi rujukan terhadap kefahaman membaca pelajar perlu dilakukan kerana soalan berkaitan pemahaman teks merupakan instrumen Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) Bahasa Melayu Ujian Bertulis (Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014). Selain itu, konstruk PT3 antaranya adalah berasaskan kemahiran aplikasi maklumat (membaca dan memahami). Justeru, dengan menjalankan kajian ini, penyelidik berpendapat bahawa kewujudan peranti kohesi rujukan dalam teks kefahaman dapat membantu meningkatkan kefahaman membaca pelajar.

1.3 Pernyataan Masalah



Di Malaysia, kajian tentang membaca telah banyak dijalankan oleh para pengkaji. Walau bagaimanapun, masalah kefahaman membaca dalam kalangan pelajar masih tetap wujud, terutamanya di peringkat sekolah rendah. Menurut Aripin Yuddin (2008), keputusan peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) membuktikan wujudnya masalah membaca dalam kalangan pelajar. Melalui perbandingan yang dilakukan dalam keputusan UPSR adalah didapati bahawa keputusan pelajar Sekolah Kebangsaan (SK) lebih cemerlang dalam subjek Bahasa Melayu Pemahaman dan Penulisan manakala pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) lebih cemerlang dalam subjek Matematik, Bahasa Inggeris, dan Sains. Hal ini menunjukkan bahawa para pelajar dari SJKC akan mengalami masalah kefahaman membaca apabila menyambung pelajaran ke peringkat sekolah menengah kerana Bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar di sekolah menengah arus perdana.





Kemahiran membaca merupakan perkara asas yang ditekankan kepada pelajar untuk memahami kandungan sesuatu teks yang dibaca sejak di bangku sekolah lagi (Mohd Ashri Ismail et al., 2017). Namun begitu, mutakhir ini kemahiran membaca dalam kalangan pelajar masih lemah kerana mereka kurang memahami keseluruhan kandungan teks yang dibaca terutamanya bahan ilmiah. Hal ini pernah diutarakan oleh Yahya Othman (2005), iaitu kelemahan pelajar memahami teks dihadapi bukan sahaja di peringkat sekolah rendah atau menengah tetapi berterusan sehingga ke peringkat pengajian tinggi. Pelajar bukan sahaja tidak memahami sepenuhnya teks bacaan yang menggunakan bahasa pertama malah tidak memahami bahasa yang lain misalnya genre Bahasa Melayu klasik.



Seterusnya, masalah yang timbul ketika pelajar memahami bahan bacaan yang dibaca mereka sering kali teks tersebut dibaca sekali imbas untuk mengenal pasti kata kunci yang terdapat dalam teks, kemudian dikaitkan dengan pengetahuan sedia ada mereka. Situasi tersebut menyebabkan pelajar tidak mengetahui maksud sebenar yang mahu diutarakan oleh penulis teks (Yahya Othman, 2008). Justeru, perkara ini membawa gambaran kepada kita bahawa pelajar masih lemah dari segi penguasaan kemahiran membaca kerana tidak dapat memahami makna kandungan teks yang dibaca (Mohd Ashri Ismail et al., 2017).

Selain itu, keperluan kajian tentang kesan peranti kohesi terhadap kefahaman membaca pelajar juga disarankan oleh para pengkaji lain seperti Soraya Bechoua (2012). Menurut Soraya Bechoua (2012), kajian berkaitan peranti kohesi akan memastikan sesuatu bahan bacaan tersebut dapat difahami oleh pembaca sasaran. Kajian oleh Mohammad





Nasim Tahsildar (2014), telah menunjukkan tentang kepentingan peranti kohesi dalam meningkatkan kefahaman membaca pelajar sekali gus mengukuhkan lagi dapatan berkaitan kesan kohesi terhadap kefahaman membaca pelajar. Menurut Nader Assadi Aidinlou, Noushin Khodamard, dan Jaber Azami (2012) pula, pelajar harus berkeupayaan untuk memecahkan kod dan memahami teks supaya kefahaman membaca boleh berlaku. Di samping itu, teks bacaan turut digunakan sebagai alat pengukuran dan penilaian misalnya dalam ujian pemahaman. Namun demikian, masih terdapat sebilangan murid mengalami masalah dalam memahami teks bacaan. Antara masalah yang telah dikenal pasti adalah seperti teks yang terlalu panjang sehingga tidak mengambil kira aspek kesepaduan antara perkataan, ayat, atau perenggan. Hal ini bertentangan dengan peranan peranti kohesi yang berfungsi bagi membentuk satu sifat kesatuan, iaitu mempunyai peranan secara bersama (Yulia Nur Ekawati, Sanday Jamaludin, dan Noor Liswildayanti, 2011).

Kohesi sangat penting dalam sesebuah teks kerana kohesi berkaitan ciri formal wacana. Halliday dan Hasan (1976) berpendapat bahawa sesebuah teks merupakan satu unit bahasa yang digunakan. Kohesi merupakan unit semantik yang mempunyai makna dan bukannya satu unit tata bahasa seperti klausa atau ayat. Oleh itu, kohesi bermaksud hubungan semantik yang wujud dalam sesebuah teks (Halliday dan Hasan, 1976). Menurut Idris Aman (2014: 54), tetenunan atau kohesi hadir apabila tafsiran terhadap sesetengah unsur di dalam wacana bergantung pada unsur yang lain. Justeru, sesebuah perenggan atau teks bacaan dikatakan kohesif apabila ayat-ayat di dalamnya tersusun dengan baik dan terhubung dengan baik.





Berdasarkan pernyataan masalah yang dikemukakan adalah didapati bahawa kebanyakan penyelidik mengkaji aspek berkaitan pengajaran peranti kohesi dan analisis peranti kohesi dalam sesuatu teks bacaan. Selain itu, para pengkaji hanya menyentuh aspek penulisan dalam mengkaji peranti kohesi. Namun demikian, tiada kajian yang menyentuh berkaitan kesan kohesi terhadap kefahaman membaca. Oleh yang demikian, pengkaji berminat untuk membuat kajian berkaitan kesan kohesi rujukan terhadap kefahaman membaca pelajar berdasarkan kerana hal ini sudah ternyata memberi kesan kepada pembaca. Justeru, pengkaji berpendapat bahawa kajian dalam bidang ini perlu dilaksanakan.



Berdasarkan tujuan kajian yang dinyatakan, maka objektif kajian adalah seperti yang berikut:

- i. Mengenal pasti perbezaan kefahaman bacaan dari segi min markah pencapaian pelajar terhadap petikan cerpen yang berbeza peranti kohesi rujukan mengikut perbezaan kaum





1.5 Hipotesis Kajian

Berdasarkan objektif yang telah dinyatakan di atas, maka kajian ini bertujuan untuk menguji beberapa hipotesis kajian seperti yang berikut:

- i. Ho1 - Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min markah pencapaian kefahaman membaca semua pelajar untuk petikan cerpen Menuai Emas yang asal dengan petikan yang diubah suai.
- ii. Ho2 - Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min markah pencapaian kefahaman membaca pelajar Melayu untuk petikan cerpen Menuai Emas yang asal dan petikan yang diubah suai.
- iii. Ho3 - Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min markah pencapaian kefahaman membaca pelajar Cina untuk petikan cerpen Menuai Emas yang asal dan petikan yang diubah suai.
- iv. Ho4 - Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min markah pencapaian kefahaman membaca pelajar India untuk petikan cerpen Menuai Emas yang asal dan petikan yang diubah suai.
- v. Ho5 - Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min markah pencapaian kefahaman membaca pelajar untuk petikan cerpen Menuai Emas yang asal antara pelajar Melayu, Cina dan India.
- vi. Ho6 - Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min markah pencapaian kefahaman membaca pelajar untuk petikan cerpen Menuai Emas petikan yang diubah suai antara pelajar Melayu, Cina dan India.
- vii. Ho7 - Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min markah pencapaian



kefahaman membaca semua pelajar untuk petikan cerpen Banjir di Mata Emak yang asal dengan petikan yang diubah suai.

- viii. Ho8 - Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min markah pencapaian kefahaman membaca pelajar untuk petikan cerpen Banjir di Mata Emak yang asal dan petikan yang diubah suai dalam kalangan pelajar Melayu.
- ix. Ho9 - Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min markah pencapaian kefahaman membaca pelajar untuk petikan cerpen Banjir di Mata Emak yang asal dan petikan yang diubah suai dalam kalangan pelajar Cina.
- x. Ho10 - Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min markah pencapaian kefahaman membaca pelajar untuk petikan cerpen Banjir di Mata Emak yang asal dan petikan yang diubah suai dalam kalangan pelajar India.
- xi. Ho11 - Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min markah pencapaian kefahaman membaca pelajar untuk petikan cerpen Banjir di Mata Emak yang asal antara pelajar Melayu, Cina dan India.
- xii. Ho12 - Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min markah pencapaian kefahaman membaca pelajar untuk petikan cerpen Banjir di Mata Emak petikan yang diubah suai antara pelajar Melayu, Cina dan India.
- xiii. Ho13 - Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min markah pencapaian kefahaman membaca semua pelajar untuk petikan cerpen Talia dan Raksasa Qadqad yang asal dengan petikan yang diubah suai.
- xiv. Ho14 - Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min markah pencapaian kefahaman membaca pelajar untuk petikan cerpen Talia dan Raksasa Qadqad yang asal dan petikan yang diubah suai dalam kalangan pelajar Melayu.





- xv. Ho15 - Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min markah pencapaian kefahaman membaca pelajar untuk petikan cerpen Talia dan Raksasa Qadqad yang asal dan petikan yang diubah suai dalam kalangan pelajar Cina.
- xvi. Ho16 - Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min markah pencapaian kefahaman membaca pelajar untuk petikan cerpen Talia dan Raksasa Qadqad yang asal dan petikan yang diubah suai dalam kalangan pelajar India.
- xvii. Ho17 - Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min markah pencapaian kefahaman membaca pelajar untuk petikan cerpen Talia dan Raksasa Qadqad yang asal antara pelajar Melayu, Cina dan India.
- xviii. Ho18 - Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min markah pencapaian kefahaman membaca pelajar untuk petikan cerpen Talia dan Raksasa Qadqad petikan yang diubah suai antara pelajar Melayu, Cina dan India.




1.6 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual kajian ini adalah merujuk kepada Rajah 1.1. Kerangka konsep ini diubah suai berdasarkan Model Membaca Senyap Pembaca Mahir. Kerangka konseptual untuk menghuraikan proses membaca daripada perspektif psikologi kognitif atau Model Atas ke Bawah atau Model Psikolinguistik. Kerangka konsep ini dapat menjelaskan bagaimana skema memandu atau membimbing proses pemahaman (Nunan, 1992; Pearson dan Johnson, 1978). Model ini juga adalah berasaskan dapatan-dapatan kajian yang menunjukkan bahawa pemahaman melibatkan pengecaman dan penyebutan perkataan-



perkataan dan ayat-ayat dan akhir sekali makna tetapi proses pemahaman ialah proses interaksi antara pelbagai pengetahuan sedia ada dengan maklumat dalam teks untuk membina makna (Conley, 1995; Thompson dan Rubin, 1993; Pearson dan Johnson, 1978). Memandangkan kajian ini adalah untuk melihat kesan peranti kohesi rujukan, maka peranti kohesi rujukan yang digunakan dalam petikan asal akan diubah dalam petikan yang diubah suai untuk melihat pencapaian pelajar dari segi kefahaman membaca. Peranti kohesi rujukan yang digunakan ini adalah berdasarkan Halliday dan Hasan (1976).



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual yang Diubah Suai daripada Model Membaca Senyap Pembaca Mahir



Berdasarkan Rajah 1.1 di atas, dapat dilihat bahawa model ini memberi penekanan kepada pembinaan semula makna. Semasa interaksi pembaca dengan teks, pembaca membina pemahaman berdasarkan peranti kohesi rujukan dengan berpandukan pengetahuan sedia adanya tentang kandungan teks. Secara lebih terperinci, proses ini ialah proses mental yang aktif untuk menguji hipotesis dan bersifat konstruktif. Pembaca membina hipotesis atau ramalan berpandukan peranti kohesi rujukan untuk menentukan sama ada hipotesis atau ramalan pembaca betul ataupun tidak. Hal ini bermaksud bahawa peranti kohesi rujukan yang sesuai perlu digunakan untuk memudahkan kefahaman membaca pelajar seperti yang ditunjukkan oleh garisan hitam. Jika berlaku proses ketidakfahaman maka, pembaca perlulah membaca semula atau fikir semula sekiranya tidak diterima seperti yang ditunjukkan oleh garisan biru. Kegagalan untuk memahami teks berlaku seandainya pembaca gagal membina satu hipotesis yang sesuai (Baker dan Brown, 1984).

1.7 Kepentingan Kajian

Secara umumnya kajian ini adalah sangat penting dalam memperkaya penyelidikan tentang kefahaman bacaan dalam kalangan pelajar sekolah terutamanya di peringkat menengah rendah. Hal ini kerana masih ada pelajar menengah rendah yang masih tidak dapat menguasai kemahiran kefahaman bacaan walaupun sudah melalui persekolahan peringkat rendah selama enam tahun. Justeru, hasil kajian ini secara khususnya diharapkan dapat membawa manfaat kepada pihak-pihak tertentu terutamanya pihak-pihak yang





berkepentingan dalam dunia pendidikan di Malaysia.

1.7.1 Pelajar

Hasil kajian ini diharap dapat membantu pelajar untuk meningkatkan kefahaman membaca mereka melalui fungsi peranti kohesi rujukan dalam sesuatu teks bacaan. Malah, implikasi daripada kajian ini juga dapat meningkatkan penerimaan maklumat murid secara tersusun dan kohesif terutamanya apabila menjawab soalan-soalan pemahaman. Pada masa yang sama, kajian ini turut menyokong penggunaan teks yang pelbagai yang bertujuan untuk membangunkan kefahaman membaca pelajar dalam aktiviti bacaan luas dengan menggunakan bahan ilmiah dan bahan sastera. Oleh yang demikian, hasil kajian ini secara khususnya diharapkan dapat memberi faedah kepada pihak-pihak tertentu terutamanya pihak-pihak yang berkepentingan dalam dunia pendidikan di Malaysia.

1.7.2 Guru

Kajian ini juga diharap dapat membantu para guru dalam merancang pengajaran dan pembelajaran (P&P) kefahaman membaca dengan lebih berkesan. Peranan utama para guru adalah untuk memastikan pelajar memiliki pelbagai kemahiran kefahaman membaca mengikut tahap penguasaan mereka. Para guru hendaklah menggunakan teks bacaan yang sesuai bagi kefahaman membaca untuk meningkatkan pencapaian pelajar. Bagi





merealisasikan hal ini, tugas bacaan yang dapat mengukur kemahiran membaca dan penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar melalui kefahaman membaca teks harus dilaksanakan. Secara tidak langsung, kajian ini dapat membuka peluang kepada guru-guru untuk menolong pelajar mempertingkatkan kefahaman membaca dari segi strategi pengajaran dan pembelajaran untuk mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan memandangkan norma tempatan yang menetapkan bahawa hasil ujian dan peperiksaan sebagai aspek yang diukur untuk mentafsirkan tahap kekuatan dan kecemerlangan seseorang pelajar dalam menguasai aspek bahasa Melayu yang ditetapkan oleh kurikulum. Selain itu, maklumat dan pengetahuan yang diperoleh juga dapat membantu guru-guru memilih teks kefahaman membaca yang bersesuaian terutamanya untuk menanam minat para pelajar terhadap subjek Bahasa Melayu.



1.7.3 Penerbit dan Penulis Buku

Kajian ini sangat berguna kepada penerbit-penerbit buku terutamanya sebagai garis panduan ketika menyediakan bahan bacaan kepada para pelajar. Pihak Bahagian Buku Teks Kementerian Pendidikan Malaysia umpamanya mulai tahun 2018, pelajar-pelajar tingkatan dua menggunakan buku teks yang baharu selaras dengan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KKSM) yang telah dilaksanakan mulai tahun 2017. Dengan ini adalah diharapkan pihak yang berkenaan dapat membaiki sebarang kelemahan yang wujud dalam buku teks Kurikulum Baharu Sekolah Menengah (KBSM) yang diguna pakai sebelum ini. Justeru, guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu dapat menggunakan buku teks yang





baharu secara optimum sekali gus dapat mengurangkan kebergantungan pada buku-buku aktiviti di pasaran. Bagi syarikat penerbitan buku fiksyen atau bukan fiksyen pula dapat memastikan penulis-penulis buku terbabit agar memilih bahan bacaan yang kohesif dalam meningkatkan kefahaman membaca pelajar. Malah, pemilihan karya sastera seperti novel dan antologi pada setiap lima tahun sekali bagi tujuan P&P komponen sastera dalam mata pelajaran Bahasa Melayu perlu dilaksanakan secara teliti dengan mengambil kira aspek kohesif sesuatu karya.

1.7.4 Bahagian Pembangunan Kurikulum



Kajian ini juga amat berguna untuk dijadikan garis panduan kepada Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) dalam merangka dan merancang program serta aktiviti pendidikan bahasa Melayu untuk diimplementasikan di sekolah-sekolah. Berdasarkan kajian ini, Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) dapat merancang aktiviti-aktiviti kefahaman membaca terhadap guru-guru agar P&P yang digunakan di dalam kelas menepati aspek kemahiran membaca seperti mana yang digariskan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP).





1.7.5 Para Penyelidik

Hasil kajian ini diharapkan dapat dijadikan titik tolak untuk meneruskan kajian seumpama ini pada masa hadapan dengan melihat kelompangan yang wujud dalam kajian ini. Pada masa yang sama juga, hasil kajian ini diharapkan dapat menjadi asas untuk penyelidik lain meneruskan kajian berkaitan kefahaman membaca dengan melihat peranti kohesi yang berlainan pula.

1.8 Definisi Operasional



1.8.1 Kesan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), kesan didefinisikan sebagai sesuatu kebaikan atau keburukan yang wujud daripada sesuatu kejadian seperti keadaan, perbuatan, tindakan, dan lain-lain, kesudahan (hasil, akibat) daripada sesuatu, atau efek. Dalam kajian ini, kesan membawa maksud kesan yang diperoleh apabila peranti kohesi dalam sesebuah petikan iaitu peranti kohesi rujukan telah diubah suai daripada petikan asal.





1.8.2 Peranti Kohesi

Peranti kohesi telah diperkenalkan oleh Halliday dan Hasan (1976) yang menekankan perkaitan antara aspek nahu dan semantik dalam sesebuah wacana. Pembahagian dan analisis peranti kohesi yang paling komprehensif dikemukakan oleh Halliday & Hasan (1976). Mereka membahagikan kohesi kepada dua jenis, iaitu kohesi nahuan dan kohesi leksikal. Kohesi nahuan terpecah kepada empat jenis peranti kohesi seperti rujukan, penggantian, elipsis dan penghubung. Justeru, kohesi nahuan penting untuk memperlihatkan kesinambungan ayat demi ayat dalam sebuah wacana manakala kohesi leksikal ialah apabila muncul dua kata di dalam teks yang berkait dari segi makna yang didukung. Dalam kajian ini, pengkaji hanya memilih peranti kohesi rujukan daripada kohesi nahuan untuk melihat kesan peranti kohesi rujukan terhadap kefahaman membaca pelajar berdasarkan kaum.

1.8.3 Kefahaman Membaca

Harris dan Hodge (1981) berpendapat bahawa kefahaman membaca merupakan kemampuan atau keupayaan seseorang untuk mendapatkan maklumat hasil daripada pembacaannya. Proses ini berlaku bermula dengan memperoleh maklumat daripada komunikasi, yakni secara lisan, tulisan, atau melalui penggunaan simbol tertentu. Keadaan ini melibatkan proses mental yang kompleks kerana kefahaman membaca bukan setakat memahami makna setiap patah kata malah melibatkan pengecaman, pemilihan makna yang





sesuai, penubuhan generalisasi, dan juga penilaian (Rubin, 1975). Dalam kajian ini, kefahaman membaca merujuk kepada memahami apa-apa yang ditulis oleh seseorang pengarang berdasarkan peranti kohesi yang digunakan dalam teks bacaan.

Menurut Khatijah Abdul Hamid (1997), kefahaman membaca bermaksud perkara yang ditulis oleh seseorang pengarang difahami oleh pembaca. Justeru, peranan seorang guru bahasa adalah untuk membimbing pelajar-pelajarnya memahami maklumat yang hendak disampaikan oleh pengarang. Oleh itu, jika seseorang pelajar itu tidak memahami perkara yang ditulis oleh pengarang, maka mereka diandaikan tidak membaca. Bagi memahami sesuatu mesej daripada pengarang, pelajar tersebut hendaklah mengetahui maksud daripada rangkaian perkataan. Terdapat pengkaji yang mengatakan bahawa untuk mengetahui maksud tersebut, kita perlu menumpukan perhatian kita terhadap frasa dan klausa yang mengandungi mesej manakala pengkaji lain pula berpendapat bahawa sesuatu ayat atau perenggan haruslah diberi penekanan semasa pengajaran kefahaman bacaan.

Nila Banton Smith (1969), pula berpendapat bahawa kefahaman membaca merupakan satu kemahiran yang terbahagi kepada kemahiran-kemahiran kecil. Jika kemahiran kecil sebelumnya sudah dikuasai maka, penguasaan sesuatu kemahiran kecil seterusnya turut berlaku. Beliau juga turut menjelaskan bahawa langkah untuk mempertingkatkan kefahaman membaca daripada bentuk kemahiran yang paling mudah sehingga bentuk kemahiran yang kompleks bukanlah satu perkara yang baharu dalam proses pembelajaran seseorang pelajar.





1.8.4 Pelajar

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), pelajar bermaksud orang yang belajar (seperti murid sekolah, penuntut di maktab dan sebagainya), orang yang mengaji (menyelidiki ilmu).

1.8.5 Kaum

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), kaum bermaksud puak atau suku bangsa. Kajian ini melibatkan pelajar Melayu, Cina dan India yang merupakan tiga kaum utama di sekolah yang dipilih. Hal ini demikian kerana, setiap kaum mempunyai perbezaan dari segi bahasa, budaya dan agama yang berbeza (Asmah, 1997)). Justeru, kajian ini adalah untuk melihat kesan peranti kohesi rujukan terhadap kefahaman membaca pelajar berdasarkan kaum.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah menengah harian biasa. Sekolah ini merupakan sebuah sekolah yang terletak di Batu Gajah, Perak. Responden yang dipilih adalah terdiri daripada pelajar tingkatan dua. Sampel kajian melibatkan 60 orang pelajar sahaja yang terdiri daripada pelajar Melayu, Cina dan India.





Dalam kajian Halliday dan Hasan (1976) menunjukkan bahawa kohesi terbahagi kepada dua jenis, iaitu kohesi nahuan dan kohesi leksikal. Kohesi rujukan terbahagi kepada tiga jenis, iaitu rujukan peribadian, rujukan tunjuk, dan rujukan bandingan. Namun demikian, kajian ini hanya tertumpu pada kesan peranti kohesi rujukan peribadian yang wujud dalam kohesi nahuan. Peranti kohesi rujukan peribadian ialah rujukan yang menggunakan kata ganti nama diri, milik, dan penentu milik terhadap sesuatu dengan menentukan fungsi atau peranannya (Halliday dan Hasan, 1976). Kajian ini melibatkan pengumpulan data menggunakan ujian pemahaman dalam menguji hipotesis kajian yang dinyatakan. Ujian pemahaman ini melibatkan Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi setiap petikan cerpen. Petikan yang digunakan dalam ujian pemahaman akan diambil daripada tiga buah cerpen iaitu, Menuai Emas, Banjir di Mata Emak, dan Talia dan Raksasa Qadqad yang terdapat dalam buku antologi “Baik Budi Indah Bahasa” iaitu, antologi komsas bagi pelajar-pelajar tingkatan dua mulai tahun 2016.

1.10 Rumusan

Dalam bab ini, pengkaji telah menghuraikan secara menyeluruh berkenaan dengan perkara-perkara asas berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Antara aspek yang dibincangkan termasuklah sebab dan tujuan kajian ini hendak dijalankan berdasarkan latar belakang kajian dan pernyataan masalah yang dikemukakan. Selain itu, bab ini juga telah menyatakan objektif kajian dan hipotesis kajian yang bakal dijawab dalam bahagian akhir kajian ini. Kerangka konseptual turut dikemukakan dalam bab ini. Setiap pemboleh ubah





yang terlibat dalam kajian ini telah diterangkan dalam bahagian definisi operasional. Secara keseluruhannya, kajian ini akan menunjukkan kesan peranti kohesi rujukan dalam kefahaman membaca pelajar. Dengan itu adalah diharapkan agar kajian ini dapat memberikan impak yang positif terhadap warga pendidikan khasnya para pelajar dan guru-guru serta menjadi panduan kepada semua lapisan masyarakat dalam mendepani pendidikan abad ke-21 yang lebih mencabar.

